

11 FEB 2000

MAHATHIR-KAWALAN

MAHATHIR: KAWALAN MODAL HARUS BERI MANFAAT KPD NEGARA MEMBANGUN

Oleh: Mikhail Raj Abdullah

BANGKOK, 11 Feb (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata hari ini sebarang langkah yang diambil untuk mengekang aliran modal yang tidak stabil daripada akar umbinya mestilah memberi manfaat kepada negara-negara membangun terutama yang terjejas oleh krisis kewangan.

"Kita mesti lihat sama ada tindakan yang diambil (untuk mengawal aliran modal) ini boleh mengurangkan risiko negara-negara membangun terdedah kepada kegiatan spekulatif," katanya selepas merasmikan kompleks Kedutaan Malaysia di sini.

Dr Mahathir mengulas mengenai kenyataan yang dibuat terdahulu pada awal hari ini oleh setiausaha agung Persidangan mengenai Perdagangan dan Pembangunan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNCTAD) Rubens Ricupero bahawa kawalan modal haruslah juga dikenakan di negara-negara asal daripada mana aliran modal jangka pendek tidak stabil itu berpunca.

Pegawai UNCTAD itu juga berkata kawalan modal di negara-negara di mana matawang diserang oleh spekulator itu sendiri masih tidak mencukupi, itulah sebabnya mengapa kawalan di negara-negara asal modal jangka pendek itu berpunca diperlukan.

Jika tidak, krisis kewangan yang bermula pada Julai 1997 itu pasti akan berlaku sekali lagi, katanya.

"Ia adalah suatu yang perlu kita kaji dengan teliti," kata Dr Mahathir mengenai cadangan Ricupero di mana UNCTAD percaya sesuatu yang secara teknikalnya boleh dilaksanakan.

Perdana Menteri, yang juga ditemani oleh Datin Seri Dr Siti Hasmah, berada di sini untuk menghadiri persidangan UNCTAD ke-10 di mana beliau adalah penceramah pertama yang akan memberi ucapan di sesi plano pertama esok.

Beliau juga dijangka menghadiri majlis makan tengah hari dengan ketua-ketua Asean lain serta mengadakan perbincangan dengan Setiausaha Agung Bangsa-Bangsa Bersatu, Kofi Annan, yang turut berada di sini untuk menghadiri persidangan tersebut.

Apabila diminta mengulas mengenai cadangan UNCTAD bagi badan kawal selia untuk mengawal dana lindung nilai, Dr Mahathir berkata badan seumpama itu sepatutnya memasukkan penyertaan daripada negara membangun dan yang terjejas oleh krisis.

"Kita tidak mempunyai peluang untuk menyertai forum seumpama itu, misalnya seperti Kumpulan 20 (G-20), mereka kelihatan hanya mahu kepada orang yang boleh bersetuju dengan mereka sahaja.

"Pada tahap itu, mereka tidak akan mencapai apa-apa hasil (dalam mengawal aliran modal jangka pendek), anda sepatutnya mencari orang yang terlibat sendiri dengannya iaitu dengan kata lain orang yang terjejas oleh krisis kewangan," katanya.

Ketika awal penubuhan G-20, beliau berkata tiada satupun negara Asia dimasukkan ke dalam perkumpulan itu, "hanya kemudiannya mereka membawa masuk Indonesia dan ianyapun bukanlah sebagai anggota tunggal."

Kumpulan negara-negara Asia Tenggara ataupun Asean melahirkan kekecewaan mereka dengan kumpulan negara-negara perindustrian Kumpulan Tujuh (G-7) kerana gagal pada awalnya memasukkan sekurang-kurangnya satu negara Asean dalam G-20 yang dibentuk pada September tahun lalu.

Kumpulan Asean dengan 10 anggota itu melahirkan kebimbangan mereka kepada Jepun yang seterusnya menyebabkan Perdana Menteri Jepun Kiichi Miyazawa berjanji untuk membawa isu tersebut kepada G-7.

G-20 adalah gabungan tujuh negara kaya dalam G-7, ekonomi-ekonomi pasaran sedang muncul dan dua wakil institusi yang memainkan peranan penting dalam ekonomi dunia.

Ekonomi-ekonomi tersebut termasuklah Argentina, Australia, Brazil, China, India, Mexico, Russia, Arab Saudi, Afrika Selatan, Korea Selatan, Turki, manakala wakil institusi terbabit adalah dari Kesatuan Eropah (EU) dan Tabung Kewangan Antarabangsa/ Bank Dunia.

Apabila ditanya apa yang diharapkan oleh Malaysia daripada persidangan UNCTAD, beliau berkata "kita tidak akan memberikan reaksi awal lagi, mereka tidak akan melakukan apa-apa jika ianya tidak memberi manfaat kepada mereka."

Terdahulu, dalam ucapannya ketika merasmikan kompleks kedutaan itu, beliau berkata hubungan Malaysia-Thailand semakin erat dalam kedua-dua hubungan dua hala dan dalam konteks keluarga Asean.

"Kita sentiasa berbincang dalam kebanyakan isu dan secara umumnya hubungan dua halanya bertambah baik sepanjang masa," katanya, sambil menambah Malaysia banyak mengambil iktibar dari Thailand sebagai sebuah negara yang bebas tidak pernah dijajah.

Perdana Menteri berkata beliau gembira dengan hakikat bahawa kedua-dua negara telah pulih dengan kukuh daripada krisis kewangan dan kini sedang berusaha keras untuk meningkatkan semula ekonomi masing-masing.

"Kedua-dua negara yakin dalam membangunkan ekonomi masing-masing bagi mencapai kemakmuran agar rakyat boleh menikmati pendapatan tinggi dan mampu mencapai taraf kehidupan yang lebih baik," katanya.

Dr Mahathir juga berharap dengan terbinanya kompleks baru itu, lebih ramai rakyat Thai akan dapat menemui pegawai-pegawai Malaysia dan dalam proses itu secara tidak langsung dapat mengukuhkan hubungan dengan Malaysia.

Turut hadir di majlis itu adalah Duta Malaysia ke Thailand, Datuk Syed Ariff Fadzillah, Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar, Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Kerk Choo Ting, pegawai-pegawai kedutaan dan pembesar-pembesar asing.

-- BERNAMA

MR MFJ ZK